

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.03/10.12/3 (8)

13 Mei 1997

PEKELILING BENDAHARI BIL. 1/1997 PERATURAN PEMBAYARAN PELAJAR

1.0 Tujuan

1.1 Tujuan Pekeliling ini ialah untuk menerangkan Peraturan Pembayaran Pelajar yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa Universiti.

1.2 Pembayaran yang dimaksudkan adalah meliputi semua bayaran yang diwajibkan ke atas pelajar seperti yang ditetapkan oleh Universiti.

2.0 Kaedah Bayaran

2.1 Pelajar Baru

2.1.1 Pelajar baru kursus Diploma/Integrasi/Ijazah Sarjana Muda/Program Pengajian Siswazah wajib menjelaskan semua bayaran yang telah ditetapkan **selewat-lewatnya semasa hari pendaftaran. (Sila rujuk arahan pembayaran yang terdapat di Buku Tawaran Kemasukan).**

2.2 Pelajar Kanan

2.2.1 Pelajar Kursus Diploma/Integrasi/Ijazah Sarjana Muda

Pelajar Kanan dari Kursus Diploma/Integrasi/Ijazah Sarjana Muda selain daripada ditaja sepenuhnya oleh penganjur yang bayarannya dibuat melalui Pejabat Bendahari Universiti ini, (tiada berpenaja) diwajibkan menjelaskan semua bayaran yang telah ditetapkan **selewat-lewatnya pada hari pertama selepas cuti pertengahan Semester.**

2.2.2 Pelajar Program Pengajian Siswazah

Pelajar Kanan dari Program Pengajian Siswazah selain dari yang ditaja sepenuhnya oleh Penganjur dimana bayarannya dibuat melalui Universiti diwajibkan menjelaskan semua bayaran **selewat-lewatnya**

pada tarikh akhir pendaftaran matapelajaran Semester tersebut (dalam tempoh 2 minggu pendaftaran matapelajaran).

Pelajar yang gagal mematuhi peraturan di atas akan dibatalkan atau tidak dibenarkan mendaftar matapelajaran pada Semester berkenaan.

Pelajar Kanan dibawah Skim Biasiswazah/ Pembantu Penyelidik/Pegawai Penyelidik dan kakitangan kontrak & kakitangan UTM yang belum mendapat pengecualian yuran dari pihak Senat perlu membayar semua yuran **selewat-lewatnya sehari selepas cuti Pertengahan Semester.**

Pengecualian yuran hanya untuk **yuran pelajaran sahaja.** Sekiranya pengecualian yuran diluluskan oleh pihak Senat, yuran-yuran lain perlu dijelaskan sendiri oleh pelajar.

Pengecualian yuran diberi berdasarkan kepada prestasi pelajar dan ianya perlu dipohon sewelat-lewatnya minggu pertama awal Semester dari pihak Senat melalui Pusat Pengajian Siswazah mulai Semester kedua pengajian.

2.2.3 Pelajar Yang Tamat Biasiswa Atau Sedang Memohon Perlanjutan Biasiswa

Pelajar yang ditamatkan biasiswa atau sedang memohon perlanjutan biasiswa sekiranya kelulusan permohonan perlanjutan biasiswa dari penganjur tidak diterima pada hari pertama selepas cuti pertengahan Semester, mereka dikehendaki menjelaskan sendiri semua bayaran pada hari kedua selepas cuti pertengahan Semester.

3.0 Tindakan Terhadap Pelajar Yang Gagal Menjelaskan Pembayaran

3.1 Pelajar seperti di para 2.1, 2.2.1, 2.2.2 dan 2.2.3 yang gagal menjelaskan bayaran/mendapat pengecualian selepas tarikh yang ditetapkan, akan dikemukakan kepada Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) untuk dikenakan tindakan tatatertib atau mana-mana tindakan seperti berikut..-

3.1.1 Didenda sebanyak RM10.00

3.1.2 Ditahan daripada membuat pra pendaftaran dan pendaftaran sebenar matapelajaran.

3.1.3 Ditahan dari menduduki peperiksaan

3.1.4 Digantung keputusan peperiksaan

3.1.5 Ditahan dari menghadiri kuliah

3.1.6 Digantung pengajian

3.1.7 Diberhentikan

4.0 Peraturan Pembayaran Bagi Semester III

4.1 Jenis Yuran Yang Dikenakan

4.1.1 Yuran Pelajaran

Yuran Pelajaran yang dikenakan mengikut iumlah Jam Kredit yang diambil seperti berikut:-

Jenis Kursus	Kadar Yuran
Diploma/Integrasi	RM 15.00 setiap kredit
Ijazah Sarjana Muda:	
a. Bidang Teknologi	RM45.00 setiap kredit
b. Bidang Sains Gunaan	RM40.00 setiap kredit
c. Bidang Sastera Iktisas	RM35.00 setiap kredit

4.1.2 Yuran Perkhidmatan UTM

Yuran Perkhidmatan UTM dikenakan adalah sama seperti bayaran Semester I & II.

4.1.3 Yuran Asrama

Mengikut perkiraan berdasarkan tempoh Semester III.

4.2 Cara Pembayaran

Pelajar diwajibkan menjelaskan semua yuran di atas **semasa membuat pra-pendaftaran/pendaftaran matapelajaran**. Pelajar yang gagal menjelaskan pembayaran tidak dibenarkan mendaftar matapelajaran pada semester tersebut. Pelajar yang telah menjelaskan pembayaran tetapi menarik diri atau mengurangkan jumlah jam kredit yang diambil, tidak berhak menuntut pemulangan bayaran selepas tarikh resmi pendaftaran matapelajaran.

5.0 Pelajar Yang Mengikuti Kursus Tanpa Ijazah

5.1 Jenis Yuran Yang Dikenakan

5.1.1 Yuran Pelajaran yang dikenakan mengikut jumlah Jam Kredit yang diambil seperti berikut:-

Kursus Tanpa Ijazah	Jika Kurang	Jika Melebihi
	Dari 5 jam	5 jam kredit
	kredit	
Diploma/Integrasi	RM 112.50	RM225.00
Ijazah Sarjana Muda:		
a. Bidang Teknologi	RM350.00	RM700.00
b. Bidang Sains Gunaan	RM330.00	RM660.00
c Bidang Sastera Iktisas	RM275.00	RM550.00

5.2 Cara Pembayaran

Pelajar diwajibkan menjelaskan semua Yuran Pelajaran yang dikenakan semasa membuat pendaftaran. Walau bagaimanapun yuran-yuran kecil yang lain tidak dikenakan bayaran.

6.0 Pelajar Yang Mengikuti Kursus Separuh Masa & Semester Lanjutan

6.1 Pelajar Kursus Diploma/Integrasi/Saijana Muda

6.1.1 Pelajar Kursus Diploma/Integrasi/Sarjana Muda yang mengikuti Semester Lanjutan (melebihi tempoh pengajian) yang mengambil kurang dari 5 jam kredit dikenakan **separuh yuran pelajaran dari kadar biasa** manakala lain-lain yuran perlu dijelaskan sepenuhnya.

6.1.2 Pelajar Kursus Sarjana Muda yang berdaftar tahun akhir (Semester Lanjutan) yang telah menyempumakan syarat-syarat kursus kecuali syarat latihan praktik dikehendaki menjelaskan semua yuran **kecuali yuran pelajaran** bagi Semester berkenaan.

6.2 Pelajar Program Pengajian Siswazah

6.2.1 Pelajar yang mengikuti program pengajian siswazah secara separuh masa dikenakan Yuran Pelajaran 60% daripada kadar biasa manakala yuran-yuran lain perlu dijelaskan sepenuhnya.

6.2.2 Pelajar Program Pengajian Siswazah yang telah menghantar tesis dan menunggu penilaian/peperiksaan akan diberi **pegecualian yuran pengajian secara automatik** untuk semester beikutnya dengan syarat telah memenuhi tempoh lazim Semester pengajian pelajar terlibat.

6.2.3 Pelajar Program Pengajian Siswazah yang sedang menulis tesis tetapi menggunakan **semester lanjutan** dari Semester lazim yang ditetapkan dan disahkan menggunakan kemudahan Universiti yang minimum boleh dipertimbangkan untuk permohonan **pegecuallian sebahagian yuran pelajaran** melalui Dekan Pusat Pengajian Siswazah, manakala yuran-yuran lain perlu dijelaskan sendiri oleh pelajar.

7.0 Peraturan Umum

7.1 Penarikan Diri Dari Asrama Semasa Pengajian, Menangguh Dan Cuti Sakit

7.1.1 Pelajar yang berhenti atau menarik diri dari mendiami asrama dikehendaki menjelaskan pembayaran Yuran Asrama sepenuhnya. **Sebaliknya pelajar yang telah menjelaskan bayaran di atas tidak berhak menuntut pemulangan.**

7.1.2 Pelajar yang mendiami asrama masa cuti juga tertakluk kepada peraturan 7. 1. 1.

7.2 Tuntutan Yuran Pengajian Bagi Kes Khas

7.2.1 Tindakan Tatatertib

Pelajar yang dikenakan tindakan tatatertib samada diberhentikan atau digantung pengajian dikehendaki menjelaskan semua bayaran bagi Semester dimana tarikh hukuman dikuatkuasakan.

7.2.2 Tarik Diri Dari Mengikuti Kursus

Pelajar berdaftar (termasuk pelajar yang telah membuat pra-pendaftaran matapelajaran) yang menarik diri dari mengikuti kursus selepas Semester bermula dikehendaki menjelaskan semua bayaran yurun Semester berkenaan

Pelajar baru yang diluluskan menarik diri oleh Universiti di dalam tempoh 14 hari daripada tarikh pendaftaran adalah layak mendapatkan semula sebahagian daripada yuran yang telah dijelaskan.

Tiada pemulangan di beri sekiranya permohonan menarik diri diluluskan selepas tempoh di atas.. _

7.2.3 Penangguhan Pengajian/Cuti Sakit

Pelajar yang diluluskan cuti oleh pihak berkuasa Universiti pada sesuatu Semester dikehendaki menjelaskan yuran seperti berikut: -

- a. Jika kelulusan diberi sebelum cuti Pertengahan Semester, pelajar dikehendaki menjelaskan separuh dari Yuran Pelajaran.
- b. Sekiranya kelulusan diberi selepas cuti Pertengahan Semester, pelajar dikehendaki menjelaskan keseluruhan Yuran Pelajaran.
- c. Pelbagai yuran lain perlu dijelaskan untuk perkara (a) dan (b) di atas termasuk Yuran Asrama mengikut kiraan sebenar.

8.0 Peringatan Kepada Pelajar

Pelajar adalah diminta menyedari akan tanggungjawab serta kesan pelaksanaan Pekeliling ini seperti yang dinyatakan di atas dan di [Lampiran A](#).

9.0 Status Pekeliling

Pekeliling ini menggantikan [Pekeliling Bendahari Bil. 1/ 1995](#) bertarikh 25hb.Mei, 1995 .

Seklan, terima kasih. Wassalam.

'BERKHIDMA T UNTUK NEGARA '
'BERBAKTILAH KERANA ALLAH'

Yang Benar,

MOHAMED BIN ABDULLAH
Bendahari
Pejabat Bendahari

